

# Persatuan bawa golongan kurang upaya tunai umrah



Rombongan daripada **Persatuan Belia Bedok untuk Insan Kurang Upaya (BYSD)** dengan kerjasama syarikat POS TKI Travel menuaikan umrah dari 13 hingga 24 Januari, yang ditaja sepenuhnya oleh penderma tetap BYSD, termasuk individu dermawan dan peniaga tempatan. - Foto POS TKI

Dalam satu usaha murni untuk memberi peluang kepada golongan kurang upaya menuaikan ibadah umrah, **Persatuan Belia Bedok untuk Insan Kurang Upaya (BYSD)** berjaya membawa 10 individu kurang upaya ke tanah suci.

Ini merupakan kali kelima **BYSD** menganjurkan perjalanan umrah, yang bertujuan memberi peluang kepada mereka yang kurang berkemampuan, terutama golongan kurang upaya, untuk menjadi tetamu Allah.

Rombongan seramai 24 orang, termasuk lima relawan, anggota keluarga golongan kurang upaya, serta penderma, berangkat pada 13 hingga 24 Januari lalu.

**BYSD** merupakan pertubuhan tidak mencari untung (NPO) dengan misi utama menyokong golongan belia dan golongan kurang upaya di Singapura melalui pelbagai program dan inisiatif.

"Kami mahu memberi peluang kepada golongan kurang upaya yang kurang berkemampuan untuk menuaikan ibadah umrah," kata Pengarah Kehormat **BYSD**, Encik Hazizi Abu Bakar.

"Tiada kekurangan fizikal yang boleh menghalang seseorang daripada menjadi tetamu Allah jika telah dijemput."

Kos keseluruhan perjalanan rombongan ini adalah sekitar \$80,000 dan ditaja sepenuhnya oleh penderma tetap **BYSD**, termasuk individu dermawan dan peniaga tempatan.

Sumbangan seperti jubah, kopiah, tasbih, tudung dan beg kasut turut disumbangkan oleh peniaga-peniaga tersebut.

Bagi memenuhi keperluan unik para peserta, **BYSD** bekerjasama dengan POS TKI Travel untuk memastikan pengalaman yang inklusif dan lancar sepanjang perjalanan.

Antara kemudahan yang disediakan termasuk pengangkutan khas dari rumah ke lapangan terbang dan sepanjang perjalanan.

Kemudahan inklusif seperti kerusi roda dan van khas juga disediakan di tanah suci.

Penginapan hotel yang berdekatan Masjidil Haram turut disediakan, serta latihan praumrah yang merangkumi dua kelas manasik umrah, ceramah kesihatan dan suntikan vaksin.

Para peserta juga diberi insurans perjalanan dan kesihatan yang menyeluruh, selain kit kesihatan yang mengandungi perubatan asas seperti ubat demam dan sakit tekak.

Ini merupakan kali pertama POS TKI Travel secara rasmi bekerjasama dengan

10 individu bertai paket inklusif **Persatuan Belia Bedok untuk Insan Kurang Upaya (BYSD)** dengan kerjasama syarikat POS TKI Travel

► NUR SYUHRAH HASSAN  
nsyuhrah@sph.com.sg

**“ Kami mahu memberi peluang kepada golongan kurang upaya yang kurang berkecimpuan untuk menuaikan ibadah umrah.**

Tiada kekurangan fizikal yang boleh menghalang seseorang daripada menjadi tetamu Allah jika telah dijemput.

- Encik Hazizi Abu Bakar, Pengarah Kehormat **Persatuan Belia Bedok untuk Insan Kurang Upaya (BYSD)**.

**BYSD** untuk menyediakan paket umrah inklusif.

Pengarah Urusan POS TKI Travel, Encik Mohamed Anwar Tahar, menegaskan komitmen syarikat itu untuk memastikan semua orang, tanpa mengira cabaran fizikal, dapat menuaikan ibadah umrah dengan selesa.

"Kami bekerja rapat dengan **BYSD** untuk memastikan setiap aspek perjalanan memenuhi keperluan jemaah kurang upaya.

"Sukarelawan yang berdedikasi turut memainkan peranan penting dalam membantu mereka," kata Encik Anwar.

Kumpulan itu merangkumi individu dengan masalah penglihatan, pengguna kerusi roda dan mereka yang menghadapi cabaran intelektual - mencerminkan kepelbagaiannya **BYSD**.

Antara peserta rombongan itu ialah Encik Azhar Samsuddin, seorang anggota **BYSD** yang telah bersama pertubuhan itu selama lima tahun.

"Inil merupakan kali pertama saya dapat menuaikan ibadah umrah.

"Saya amat bersyukur kerana dipilih menjadi tetamu Allah. Ilmu yang saya pelajari daripada ustaz dan sumbangan ikhlas para dermawan membuatkan impian saya menjadi kenyataan," kata Encik Azhar, sambil berkongsi rasa syukur.